



# Berita KUKUM

## C. KUKUM Meterai Perjanjian Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan Dengan BSN

**Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)** mencatatkan sejarah tersendiri sebagai Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama menandatangani Perjanjian Pembiayaan Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan dengan termeterainya satu perjanjian bersama dengan Bank Simpanan Nasional pada 14 Januari 2005 lalu di Menara BSN, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM, berkata, KUKUM berasa amat bangga dengan sokongan dan respon yang telah diberikan oleh pihak BSN semasa memajukan kertas cadangan tersebut sebelumnya sehingga merintis kepada perjanjian antara kedua-dua belah pihak.

"KUKUM berharap dengan termeterainya perjanjian ini, ia akan membawa kepada satu perhubungan yang lebih erat di masa-masa akan datang. Hasil dari perjanjian dan pertukaran dokumen Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan ini beberapa skim lain juga boleh turut dimajukan seperti Skim Perumahan dan Pinjaman Peribadi dengan tempoh pembayaran yang lebih fleksibel, kadar bunga yang lebih rendah, bayaran percuma kos guaman dan insuran," tambah Prof. Dato' Dr. Kamarudin lagi.

"Dengan adanya skim sebegini, warg kerja KUKUM tidak perlu lagi tercari-cari institusi kewangan yang lain bagi membuat pinjaman bagi membeli kenderaan. Pun begitu, warga kerja KUKUM yang ingin membuat pinjaman harus mematuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan dan mendapat kelulusan pihak universiti".



C/1

Sementara itu Encik Tajuddin Atan, Ketua Eksekutif BSN pula berkata, pihak BSN mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak KUKUM di atas kerjasama dalam menjayakan perjanjian tersebut. Kemudahan Skim Pinjaman Kenderaan Kakitangan Awam mula ditawarkan melalui perjanjian dengan Kementerian Kewangan pada 9 Mac 2004 di mana pihak BSN telah memperuntukkan dana sebanyak RM500juta bagi membiayai kemudahan skim tersebut.

"Kami merasa bertuah kerana kesudian KUKUM menjalinkan hubungan kerjasama ini. KUKUM adalah universiti yang pertama di Malaysia menandatangani perjanjian dengan BSN. Melalui skim pinjaman ini nanti, pihak majikan tidak perlu lagi menyediakan sumber dana serta penyelenggaraan rekod-rekod kewangan. Semua permohonan pinjaman yang diluluskan oleh pihak majikan akan dikemukakan kepada BSN untuk pengeluaran pinjaman".

"Bayaran ansuran bulanan pinjaman atas kadar serendah 4% setahun diuruskan oleh majikan dan akan membuat bayaran terus kepada BSN. Keadaan ini membolehkan permohonan pinjaman dapat diproses dengan cepat dan tepat. Dalam masa yang sama juga pihak majikan dapat mengurangkan kos pentadbiran dan kakitangan kerajaan tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan pinjaman," ujar beliau lagi.

BSN telah menyediakan dana sebanyak RM2 juta bagi Skim Pinjaman Kenderaan tersebut yang sebelum ini juga telah mengadakan perjanjian yang sama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan menawarkan Skim Pinjaman Kenderaan Guru dengan dana sebanyak RM500 juta pada 8 Januari 2002 lalu.

Majlis menandatangani dokumen perjanjian Skim Pinjaman Kenderaan antara kedua-dua belah pihak telah disempurnakan apabila Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, mewakili KUKUM dan Encik Tajuddin Atan, Ketua Eksekutif BSN bertukar-tukar dokumen perjanjian dengan disaksikan oleh Tuan Haji Rusli Abd Hamid, Pendaftar KUKUM, Tuan Haji Ayob Ismail, Bendahari KUKUM dan Yang Berbahagia Dato' Ahmad Zaki Abdul Razak, Timbalan Pengurus Besar bahagian Operasi Perbankan BSN dan Puan Juriah Haji Azahari, Timbalan Pengurus Besar bahagian Perkhidmatan Sokongan Perniagaan BSN.



C/2